

Dagangan : PALM KERNEL SHELL (BROKEN)
(CANGKANG SAWIT)

Nama Barangan : Palm Kernel Shell

Kod Tarif (Perintah Duti Kastam 2012) :

1404.90 000

Tarikh Kelulusan : 16 Januari 2015

Barangan merupakan hampas tempurung buah kelapa sawit yang telah diasingkan isi buah dan diperah minyaknya, berbentuk kering dan telah dihancurkan. Hampas tempurung ini dinamakan **Cangkang Sawit** atau **Tempurung Kelapa Sawit** atau nama perdagangannya di panggil **Palm Kernel Shell (PKS)**. PKS yang diperolehi daripada kilang kelapa sawit hanya dimuatkan dalam lori tanpa pakaging mengikut spesifikasi tertentu.



Gambar 1 : Palm kernel shell / Cangkang kelapa sawit.

Cara Palm Kernel Shell Dihasilkan.

- Apabila buah sawit dipisahkan daripada tandan, buah akan diperah untuk mengeluarkan minyak daripada sabut buah melalui pemanasan pada suhu 90 darjah Celcius. Kemudian sabut buah akan dipisah daripada tempurung buah.
- Isirong dalam tempurung buah akan dipisahkan dengan mesin selinder berlubang. Tempurung hancur ini dinamakan Palm Kernel Shell (PKS)/Cangkang Sawit.

Barangan boleh berupa barang siap atau separuh siap bergantung kepada jenis kegunaannya sama ada sebagai bahan bakar atau makanan ternakan.

Saiz PKS : 4 mm hingga 20 mm.

Kandungan PKS :

- Mengandungi kalori tinggi = 4.0 hingga 4.6 kcal/kg
- Menepati standard ASTM D5865-02
- Kandungan abu 3%
- Kandungan belerang 0.09%

Fungsi.

- Sebagai bahan bakar untuk menghasilkan tenaga elektrik.
- Sebagai makanan haiwan ternakan yang dicampur dengan pelbagai vitamin dan diolah dalam bentuk pellet.

Material Barangan.

PKS adalah berasal daripada hampas tempurung biji kelapa sawit.

Barangan **Palm kernel shell** sesuai diperjeniskan di bawah no. kod tarif **1404.90 000** sebagai **Other vegetable products not elsewhere specified or included**, berdasarkan alasan-alasan berikut ;

- Barangan merupakan persediaan yang berasaskan palm kernel atau biji sawit yang tidak mengalami perubahan campuran kimia. Palm kernel shell pula merupakan tempurung biji sawit. Oleh itu no.kod tarif **1404.90 000** adalah bersesuaian kerana Palm kernel shell adalah merujuk kepada tempurung buah kelapa sawit yang telah dikeluarkan/diasingkan isirongnya. Penerangan ini terdapat dalam EN di muka surat II-1404-4 iaitu inter alia kepada panicles of rice yang menerangkan kulit padi yang telah diasingkan isinya.

- Perintah Duti Kastam.

Berdasarkan Perintah Duti Kastam 2012, barangan ini sesuai diletakkan dibawah kod tarif **1404.90 000** ;

Vegetable products not elsewhere specified or included

1404.20 000 - Cotton linters

1404.90 000 - Other

- Explanatory Note.

EN 2012 di muka surat II-1404-1 menyatakan :

14.04 Vegetable products not elsewhere specified or included
1404.90 - Other

Nota Bab di muka surat II-1404-4 menerangkan :

This heading covers all vegetables products,not specified or included elsewhere in the Nomenclature.

Its includes :

The products of this group include, inter alia :

(1) *The panicles of rice,broomcorn or certain millets,with their seeds removed.*

Petikan ini menerangkan cengkerang padi yang telah dibuangkan isinya/beras.Dalam kes ini mnyamai cangkang sawit / PKS.